

02/09/1998

PM nafi Anwar letak jawatan

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan khabar angin mengenai peletakan jawatan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, Anwar mesti mempunyai alasan munasabah seperti faktor kesihatan, sekiranya mahu meletak jawatan.

"Jika beliau memberi alasan yang amat baik mengapa harus letak jawatan, saya akan menerimanya... seperti masalah kesihatan.

"Kita tidak boleh kawal perkara ini," katanya.

Mengenai khabar angin kononnya mesyuarat khas Kabinet pagi ini turut membincangkan peletakan jawatan Anwar, Perdana Menteri berkata: "Tiada kebenaran (khabar angin)."

Dr Mahathir berkata, mesyuarat khas itu diadakan untuk menjelaskan anggota Kabinet mengenai langkah terbaru kerajaan memulihkan ekonomi negara.

Pada sidang akhbar selepas program Bersama Perdana Menteri di Angkasapuri petang ini, Dr Mahathir menegaskan hubungannya dengan Anwar juga baik.

Dr Mahathir berkata, khabar angin itu sudah lama wujud, tetapi ia tidak berlaku.

"(Perkara itu) tidak berlaku... bagi saya ini (langkah mengawal RM) lebih mengejutkan.

"Saya tidak tahu sama ada ia tidak cukup drastik bagi anda," katanya.

Mengenai kemungkinan Anwar akan meletak jawatan, Perdana Menteri berkata: "Itu anda kena tanya dia. Jika dia mahu meletakkan jawatan, bagaimana saya boleh tahu apa yang dia fikirkan."

(END)